

ADUN PELANGAI ANGKAT SUMPAH EXCO PAHANG

KUANTAN, 13 FEBRUARI 2024 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan menyempurnakan Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan Dan Mengangkat Sumpah Jawatan Exco Baharu di Istana Abdul Aziz.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelangai, YB. Dato' Amizar Abu Adam telah mengangkat sumpah sebagai Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

Hadir sama ialah YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail, YB. Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Zulkifli Haji Yaacob, YB. Penasihat Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri Abu Bakar, YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Dato' Saiful Edris Zainuddin, barisan Exco Kerajaan Pahang dan Ketua-Ketua Jabatan.

Pada istiadat itu, baginda bertitah agar semua Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan dapat menjalankan segala tugas dengan baik dan ikhlas untuk memajukan Negeri Pahang, membantu rakyat miskin dan menegakkan syiar Islam.

"Semua pemimpin mesti rajin turun padang, rajin membantu, rajin membaca dan rajin bekerja.

"Seperti yang saya katakan tadi, saya seorang Sultan yang '*result oriented, people centric and people come first*', bila bantuan untuk rakyat, mesti tunaikan," titah baginda

Dalam pada itu, baginda turut bertitah bahawa baginda telah bersetuju terhadap pertukaran portfolio bagi Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan yang akan diumumkan esok.

Sementara itu, Dato' Sri Haji Wan Rosdy berkata, pertukaran ini bertujuan memperkemas dan memantapkan lagi pentadbiran Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat.

"Yang pastinya ada perubahan sedikit portfolio tujuannya untuk memperkemas dan memantapkan lagi pentadbiran Kerajaan Negeri agar ianya lebih berkesan dan esok saya akan umumkan," katanya. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi Strategik (UKS)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh : Fansurina Abdullah

Foto : Putera Falliq Hakim Suhairi

(LIPUTAN BERGAMBAR)





 **PAHANG MEDIA**
PUTERA FALIQ HAKIM



 **PAHANG MEDIA**
PUTERA FALIQ HAKIM